

3 projek untuk rakyat KL

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, petang ini mengumumkan tiga rancangan besar untuk penduduk-penduduk golongan miskin bandaraya.

● Menjual rumah-rumah pangsa kepada penghuni-penghuni yang menduduki lebih dari 10 tahun dan sewaan mereka selama itu diambil kira sebagai bayaran pendahuluan.

● Menyediakan lebih banyak rumah panjang untuk kediaman sementara kepada setinggansetinggan supaya kehidupan mereka lebih aman dan selesa.

● Memastikan setiap bangunan baru yang dibina diperuntukkan sekurang-kurangnya satu tingkat untuk penaja-penaja menjalankan perniagaan.

Perdana Menteri mengumumkan langkah-langkah tersebut di majlis ceramah menyokong calon Barisan Nasional yang bertanding di Wilayah Persekutuan di Dewan Serbaguna Jalan Pekeliling di sini.

Beliau menambah, rancangan tersebut

merupakan langkah murni Kerajaan BN menolong golongan berpendapatan rendah menikmati hidup dengan selesa dan sempurna.

"Rancangan ini akan berjalan lancar jika wakil-wakil rakyat di Wilayah Persekutuan terdiri dari calon BN.

"Ini disebabkan wakil rakyat dari BN itu tidak payah meminta-minta seperti yang dilakukan oleh wakil rakyat parti pembangkang DAP.

"Mereka boleh terus menemui saya atau Menteri-menteri ataupun Datuk Bandar Kuala Lumpur jika sebarang masalah timbul," tegas Pengerusi Barisan Nasional itu.

Beliau menekankan DAP sebenarnya tidak mempunyai kuasa apa-apa melainkan meminta-meminta ataupun berucap berapi-api.

"Walaupun mereka berucap berapi-api sama ada di Parlimen selama tiga jam mengenai masalah lif rosak, tetapi selepas berucap itu lif tak juga baik," kata Datuk Seri Dr. Mahathir disambut dengan gelak ketawa lebih kurang 2,000 penyokong parti.